

MINDA JUMAAT – RAHSIA AL-KAHFI 8



minda jumaat - siri 8

Surah Al-Kahfi Ayat 69

قال	Berkata (Musa)
ستجدني	kamu akan mendapati aku
ان	jika
شاء	menghendaki
الله	Allah
صابرا	BERSABAR
ولا	dan tidak
اعصي	MENDURHAKAI
لك	kepadamu
أمرأ	urusan

RAHSIA AL-KAHFI
PENTINGNYA SABAR & TIDAK DURHAKA
dalam perjalanan menuntut ilmu

"Barang siapa membaca Surah Al-Kahfi pada hari Jumaat, maka Allah akan meneranginya dengan cahaya dari Jumaat yang dia baca kepada jumaat yang berikutnya" - HR Baihaqi

www.prihatin.net.my

MINDA JUMAAT – RAHSIA AL-KAHFI 8

Alquran ini diturunkan mengikut **ASBAB** yang mana banyak disebut dalam surah al-kahfi ini sebagai **PERJALANAN** (merujuk kepada kisah Khidhr dan Zulkarnain). WP juga melalui pengalaman yang sama dalam mencari hidayah mengurus organisasi ini. Satu demi satu hidayah hadir melalui pengalaman sewaktu kami berjemaah mengumpul dana, bergotong royong membina rumah, mengurus segala keperluan kehidupan anak-anak didik, penyelesaian masalah keluarga dan masyarakat, mengurus perniagaan dan sebagainya.

Pengalaman kami menunjukkan, membaca sahaja tanpa kita padankan apa yang kita baca dengan perjalanan atau **ASBAB** kehidupan akan mengurangkan tahap kejituan kefahaman kita. Banyak istilah dan falsafah dari pelbagai kisah-kisah yang sarat disebut dalam quran selama ini kami dapati sukar

difahami dalam sudut perlaksanaannya. Alhamdulillah rupanya ia jadi mudah difahami apabila kami meletakkan setiap ayat pada **ASBAB** sepanjang **PERJALANAN** hidup kita.

Hasilnya ialah ketenangan jiwa, kerukunan hidup berkeluarga, berjemaah dan bermasyarakat serta kecintaan terhadap Allah dan rasul yang sangat mendalam.

KEPERLUAN IQRA' TERJEMAHAN QURAN

Apabila masyarakat bertanya apakah rahsianya, kami katakan rahsianya ialah petunjuk alquran dan pelaksanaan mengikut sunnah. Kerana itu jika mereka mendesak ingin tahu, kami katakan belilah alquran dan cuba baca terjemahannya dengan istiqomah dari depan sampai belakang. Maksud membaca bagi kami ialah memahaminya melalui proses iqra' yang kita semua tahu Nabi s.a.w. ulang baca sehingga 3 kali.

Rata-rata yang bertanya tidak pernah membaca terjemahan quran walau sekalipun. Bagaimana mampu kami kongsi pelaksanaan dari pedoman itu jika membacanya pun belum pernah? Lebih menyedihkan lagi kebanyakan mereka tidak memiliki sebarang naskah terjemahan pun di rumah masing-masing. Inilah situasi kita dalam menilai hadiah Allah, warisan nabi yang kita cintai kepada kita.

Menjelaskan sesuatu berdasarkan teks alquran pula agak unik. Ianya agak sukar difahami dan dijelaskan dengan yakin jika kita belum membaca keseluruhan isi kandungan alquran itu. Banyak ayat yang sukar ditakrifkan, namun rupanya dengan sifat pemurahannya Allah, ia dijelaskannya dalam ayat yang lain. Banyak juga ayat yang menyentuh isu yang sama, tapi membawa petunjuk yang berbeza, saling mengesahkan atau memansuhkan yang lain. Contohnya ada ayat yang mengatakan nasib itu urusan Allah, ayat lain pula mengatakan itu atas usaha kita sendiri.

Allah nyatakan dengan terang dan berulang-ulang bahawa syurga itu berkait rapat dengan ilmu dan rujukan. Dengan ilmu dan kefahaman yang meyakinkan, kita akan sentiasa redha, tenang

dan yakin. Dengan ilmu kita akan bersemangat, hidup teratur dan dapat mengecap hasil dari amal dengan tepat, tidak merabab-raba dan tidak mudah kecundang.

Oleh itu nabi s.a.w. sabdakan menuntut ilmu adalah wajib bagi setiap mukmin lelaki mahupun perempuan. Mahu berkeluarga, berniaga, berjemaah, berorganisasi, bermasyarakat, bernegara semuanya perlu ilmu. Ilmu hadir dalam bentuk teks dan konteks, samada berupa ayat halus (berbentuk tulisan/kalam) atau ayat kasar (berbentuk bukti alam/pengalaman).

PENTINGNYA SABAR, MENGHAMBAKAN DIRI DAN TIDAK DURHAKA

Perkongsian al-Kahfi hari ini ingin merujuk kepada etika menuntut ilmu secara alami/laduni oleh nabi Musa a.s. dengan Khidhr. Isu besar di sini ialah fenomena ilmu yang Allah bekalkan kepada golongan **HAMBA** yang tiada **NAMA** dan **PANGKAT**. Itulah golongan yang meraih ilmu melalui penelitian alam atau perjalanan hidup sebagai **HAMBA** dan **PELAKSANA**.

Menuntut ilmu harus **SABAR** kerana ia bakal dipenuhi pelbagai ujian dan persoalan. Malangnya ramai di kalangan kita tidak sabar dalam menuntut ilmu. Kita sering melanggar **DISIPLIN** yang Allah telah gariskan dengan sering bersikap gelojoh dan tergesa-gesa. Kita juga suka mengumpul ilmu namun tidak suka melaksanakan. Yang paling penting ialah kita sering berlagak pandai dan merasakan diri serba cukup dalam menuntut ilmu sehingga **MENDERHAKAI** murobbi yang mendidik kita tanpa sedar.

Apabila disebut **DURHAKA**, tidak kira kepada siapa sahaja samada kepada ibubapa, guru, pemimpin, negara, rasul dan apatahlagi durhaka kepada Allah, maka balasannya ialah kemurkaan Allah dan neraka. Itulah hitam putih dari Allah buat pedoman kita. Penderhaka tidak akan merasai ketenangan dalam hidupnya. **KERESAHAN** dan **KERUNSINGAN** hidup itulah hakikat neraka. Demikian ketetapan Allah.

Ayat-ayat Surah 18. Al Kahfi berikut ini memberikan pedoman yang jelas, biarpun tidak dihuraikan rahsia mutasyabihat

daripada kisah-kisah itu.

65. Lalu mereka bertemu dengan seorang HAMBА di antara hamba-hamba Kami, yang telah Kami berikan kepadanya rahmat dari sisi Kami, dan yang telah Kami ajarkan kepadanya ilmu dari sisi Kami.

ADA JENIS-JENIS ILMU YANG HANYA ALLAH BERI KEPADA GOLONGAN HAMBА, YANG MELAKSAKAN APA SAHAJA PERINTAH TUHANNYA DENGAN KAFFAH TANPA SOAL.

66. Berkata (Musa kepada Khidhr): "Bolehkah aku mengikutimu supaya kamu mengajarkan kepadaku ilmu yang benar di antara ilmu-ilmu yang telah diajarkan kepadamu?"

67. Dia menjawab: "Sesungguhnya kamu sekali-kali tidak akan sanggup SABAR bersama aku".

INILAH UJIAN BESAR DALAM MENUNTUT ILMU ALAM TANPA KALAM. BANYAK PERSOALAN DARI TINDAK TANDUK. KEBENARAN HANYA DIKETAHUI SELEPAS TAMAT PERJALANAN.

68. Dan bagaimana kamu dapat SABAR atas sesuatu, yang kamu belum mempunyai pengetahuan yang cukup tentang hal itu?"

69. Musa berkata: "Insya Allah kamu akan mendapati aku sebagai orang yang SABAR, dan aku tidak akan MENDERHAKAI mu dalam sesuatu urusanpun."

AKIBAT TIDAK SABAR MAKA KITA SERING MENDERHAKAI MUROBBI.

70. Dia berkata: "Jika kamu mengikutiku, maka JANGANLAH KAMU MENANYAKAN kepadaku tentang sesuatu apapun, sampai aku sendiri menerangkannya kepadamu."

INILAH SIFAT GELOJOH LALU MEMPERSOALKAN TINDAK TANDUK GURU.

71. Maka berjalanlah keduanya, hingga tatkala keduanya menaiki perahu lalu Khidhr melobangnya. Musa berkata: "Mengapa kamu melobangi perahu itu akibatnya kamu menenggelamkan

penumpangnya?" Sesungguhnya kamu telah berbuat sesuatu kesalahan yang besar.

PERHATIKAN MUSA A.S. SUDAH MULA MEMPERSOALKAN KHIDHR PADA LANGKAH PERTAMA LAGI. BEGITU MUDAH MUSA A.S. MELUPAKAN JANJINYA.

72. Dia (Khidhr) berkata: "Bukankah aku telah berkata: "Sesungguhnya kamu sekali-kali tidak akan SABAR bersama dengan aku."

73. Musa berkata: "Janganlah kamu menghukum aku karena KELUPAANKU dan janganlah kamu MEMBEBANI aku dengan sesuatu kesulitan dalam urusanku."

UNTUK MENDAPATKAN ILMU TIDAK BOLEH LARI DARI UJIAN YANG MEMBEBANKAN. KHASNYA BEBAN FIKIRAN DAN KEBINGUNGAN. DI HUJUNG KEBINGUNGAN ITULAH HADIRNYA PETUNJUK. "WAWAJADAKA DHOOOL LAMFAHADA."

74. Maka berjalanlah keduanya; hingga tatkala keduanya berjumpa dengan seorang anak, maka Khidhr membunuhnya. Musa berkata: "Mengapa kamu membunuh jiwa yang bersih, bukan karena dia membunuh orang lain? Sesungguhnya kamu telah melakukan suatu yang MUNGKAR."

KERANA KEJAHILAN DAN TIDAK SABAR, KITA SERING BERLAGAK SOMBONG DAN MUDAH SAHAJA MENGGELAR MUROBBI SEBAGAI MUNGKAR.

75. Khidhr berkata: "Bukankah sudah kukatakan kepadamu, bahwa sesungguhnya kamu tidak akan dapat SABAR bersamaku?"

76. Musa berkata: "Jika aku bertanya kepadamu tentang sesuatu selepas ini, maka janganlah kamu memperbolehkan aku menyertaimu, sesungguhnya kamu sudah cukup memberikan uzur padaku."

INILAH ETIKA MUROBBI, MASIH BERSABAR SETELAH DICABAR MURIDNYA.

77. Maka keduanya berjalan; hingga tatkala keduanya sampai

kepada penduduk suatu negeri, mereka minta dijamu kepada penduduk negeri itu, tetapi penduduk negeri itu tidak mau menjamu mereka, kemudian keduanya mendapatkan dalam negeri itu dinding rumah yang hampir roboh, maka Khidhr menegakkan dinding itu. Musa berkata: "Jikalau kamu mahu, niscaya kamu mengambil upah untuk itu."

ILMU ADA NILAI YANG LEBIH MAHAL DARI WANG RINGGIT. ANTARA KELEMAHAN MURID IALAH MENILAI AMAL ATAS DASAR UPAH. DAN INILAH UJIAN TERBESAR YANG MENJADIKAN KELAYAKAN MENUNTUT ILMU TERBATAL.

78. Khidhr berkata: "Inilah perpisahan antara aku dengan kamu; kelak akan kuberitahukan kepadamu tujuan perbuatan-perbuatan yang kamu tidak dapat sabar terhadapnya."

79. Adapun bahtera itu adalah kepunyaan orang-orang miskin yang bekerja di laut, dan aku bertujuan merusakkan bahtera itu, karena di hadapan mereka ada seorang raja yang merampas tiap-tiap bahtera."

80. Dan adapun anak muda itu, maka keduanya adalah orang-orang mukmin, dan kami khawatir bahwa dia akan mendorong kedua orang tuanya itu kepada kesesatan dan kekafiran."

81. Dan kami menghendaki, supaya Tuhan mereka mengganti bagi mereka dengan anak lain yang lebih baik kesuciannya dari anaknya itu dan lebih dalam kasih sayangnya."

82. Adapun dinding rumah adalah kepunyaan dua orang anak yatim di kota itu, dan di bawahnya ada harta benda simpanan bagi mereka berdua, sedang ayahnya adalah seorang yang saleh, maka Tuhanmu menghendaki agar supaya mereka sampai kepada kedewasaannya dan mengeluarkan simpanannya itu, sebagai rahmat dari Tuhanmu; dan bukanlah aku melakukannya itu menurut kemauanku sendiri. Demikian itu adalah tujuan perbuatan-perbuatan yang kamu tidak dapat sabar terhadapnya."

Antara sebab hilangnya keberkatan dalam menuntut ilmu melalui

alam maya juga ada pengalamannya. Penggalian ilmu begini tiada akad dan ikatan antara guru dan murid. Kekeliruan tidak dapat dijelaskan, kerana itu ia berakhir dengan bantahan yang sangat biadab kerana yang menuntut dengan pencetus ilmu tidak saling mengenal dan tidak bertentang mata. Akhirnya ia sekadar membiakkan generasi ilmuan yang tidak berakhlak.

QS: 3. Ali 'Imran 142. ***Apakah kamu mengira bahwa kamu akan masuk surga, padahal belum nyata bagi Allah orang-orang yang berjihad di antaramu dan belum nyata orang-orang yang sabar.***

Semuga bermanfaat buat kita semua. Salam jumaat dari kami.

Perkongsian iqra' rahsia al-Kahfi.

WARGA PRIHATIN.